

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.03.2026 MASA: 05.00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM
ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN SEBERANG PERAI
BAGI TAHUN 2025-2026

TARIKH / MASA / TEMPAT
14 MAC 2026 (SABTU)
9.25 PAGI

AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

Yang Berbahagia Dato'Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Datuk Bandar Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Eric Kong Suh Chin

Ketua Pengawai Operasi

SAM Engineering & Equipment (M) Berhad

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan

Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media , Pengerusi-Pengerusi MPKK, Badan

Pengurusan Bersama, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang

dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Program Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai Bagi Tahun 2025-2026** pada pagi yang penuh bermakna ini.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada **Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa Negeri Pulau Pinang, atas kesudian hadir untuk merasmikan majlis yang penuh signifikan ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada **Encik Ng Boon Keat Ketua, Pegawai Eksekutif, SAM Engineering & Equipment (M) Berhad** serta pihak **SAM Engineering & Equipment (M) Berhad** atas kesediaan menjalin kolaborasi strategik bersama MBSP serta menaja sepenuhnya majlis penyampaian hadiah ini dengan jumlah tajaan sebanyak **RM20,000.00**. Terima kasih juga kepada semua hadirin yang hadir bagi memeriahkan majlis pada pagi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program **Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai** yang diraikan pada hari ini merupakan manifestasi komitmen MBSP dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di peringkat komuniti. Program ini bukan sekadar satu pertandingan, tetapi merupakan satu **platform pengiktirafan terhadap usaha gigih masyarakat dalam memelihara alam sekitar, meningkatkan kualiti hidup serta membina komuniti yang lebih berdaya tahan dan lestari.**
5. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara MBSP dan **SAM Engineering & Equipment (M) Berhad** berteraskan pendekatan '**smart partnership**' melalui konsep **7Ps**, iaitu *People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership*. Pendekatan ini menzahirkan bahawa usaha membina bandar yang mampan bukan hanya tanggungjawab pihak berkuasa tempatan semata-mata, tetapi memerlukan penglibatan kolektif semua pihak.
6. Selaras dengan aspirasi **Pelan Tindakan Local Agenda 21 (LA21) Seberang Perai**, program ini bertujuan memberikan pengiktirafan kepada komuniti yang menunjukkan kecemerlangan dalam pelbagai aspek pengurusan alam sekitar dan pembangunan komuniti mampan.
7. Penyertaan bagi program ini telah dibuka kepada pelbagai organisasi komuniti termasuk **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Persatuan Penduduk (RA),**

Joint Management Body (JMB), Management Corporation (MC)

serta pelbagai **pertubuhan sukarela berasaskan komuniti** di seluruh Seberang Perai.

8. Bermula dengan pendaftaran pada **1 Ogos sehingga 31 Ogos 2025**, diikuti penghantaran laporan sehingga **31 Disember 2025**, program ini kemudiannya melalui proses penilaian teliti oleh panel juri pada **11 Februari 2026**. Penilaian ini dibuat berdasarkan lima komponen utama iaitu **Kitar Semula dan Upcycle, Pertanian Bandar, Pengurusan Sisa Organik, Kebersihan dan Penghijauan, serta Pengurusan, Pendidikan dan Kelestarian**.
9. Kesemua kategori ini mencerminkan pendekatan menyeluruh dalam usaha membentuk komuniti yang bukan sahaja bersih dan hijau, malah berpengetahuan, berdaya inovasi serta bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar.

Hadirin sekalian,

10. Hakikatnya, kelestarian bandar tidak boleh dicapai hanya melalui dasar dan perancangan semata-mata. Ia memerlukan **tindakan kolektif masyarakat di peringkat akar umbi**. Setiap usaha kecil seperti mengasingkan sisa, mengitar semula bahan buangan, mengusahakan pertanian bandar, atau menghijaukan kawasan kejiranan sebenarnya menyumbang kepada perubahan besar dalam ekosistem bandar kita.

11. Komuniti yang kita raikan pada hari ini membuktikan bahawa **apabila masyarakat bersatu hati, kesedaran alam sekitar dapat diterjemahkan menjadi tindakan nyata yang memberi impak besar kepada kesejahteraan bersama.**
12. Sesungguhnya, kejayaan para pemenang pada hari ini bukan sahaja membanggakan komuniti masing-masing, tetapi juga menjadi **inspirasi kepada seluruh warga Seberang Perai** untuk terus memperkukuh budaya penjagaan alam sekitar dan pembangunan komuniti yang mampan.
13. Saya amat berharap agar usaha seperti ini akan terus berkembang dan menjadi satu **gerakan komuniti yang berterusan**, di mana setiap kawasan kejiranan berlumba-lumba untuk mencipta inovasi baharu dalam pengurusan alam sekitar dan kelestarian komuniti.

Hadirin yang saya hormati,

14. MBSP sentiasa komited untuk memastikan pembangunan Seberang Perai bergerak seiring dengan prinsip kelestarian. Visi kita adalah untuk menjadikan **Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya yang berdaya huni, mampan, inklusif, hijau, kompetitif dan pintar.**
15. Besarlah harapan saya agar program seperti **Anugerah Komuniti Mampan Seberang Perai** ini akan terus menjadi pemangkin kepada transformasi budaya masyarakat ke arah kehidupan yang lebih lestari dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

16. Mudah-mudahan, usaha kecil yang kita lakukan hari ini akan menjadi **legasi besar kepada generasi akan datang**, sekali gus memastikan Seberang Perai terus berkembang sebagai sebuah bandar yang bukan sahaja maju dari segi pembangunan, tetapi juga **makmur dari segi kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar**.
17. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atas sokongan berterusan terhadap program kelestarian komuniti seperti ini dalam merealisasikan aspirasi **Penang2030** dan pembangunan bandar mampan di Seberang Perai. Tahniah kepada semua pemenang dan komuniti yang terlibat. Semoga usaha ini terus menjadi inspirasi kepada masyarakat.
18. Akhir kata, saya ingin mengucapkan **selamat menjalani ibadah puasa** dan semoga kita semua dapat meningkatkan amalan sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada semua hadirin yang bakal menyambutnya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.